

Kedah tak mampu selesaikan isu Bukit Malut sendirian

Pusat perlu proaktif

MOHD.FADHLI
MOHD.SULAIMAN
fadhi.sulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Masalah penempatan warga asing di Bukit Malut, Pulau Langkawi hanya boleh diselesaikan dengan bantuan kerajaan Persekutuan.

Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, isu tersebut sudah lama sejak beliau menjawat jawatan Perdana Menteri pada tahun 1981 lagi.

"Penyelesaian isu ini perlu tindakan proaktif Persekutuan selain sebahagian besar masalah tersebut melibatkan

agensi-agensi kerajaan Persekutuan," kata beliau dalam blog chedet.cc. semalam.

Menurut ahli Parlimen Langkawi itu, pembangunan penempatan untuk menampung jumlah penduduk yang akan dipindahkan juga akan melibatkan peruntukan besar.

"Kerajaan negeri tidak ada peruntukan sebesar itu tetapi perlu memainkan peranan untuk selesaikan perkara-perkara berkaitan yang melibatkan kuasa negeri," jelasnya.

Katanya, beliau sentiasa mengikuti perkembangan di Bukit Malut dengan teliti.

Utusan Malaysia melapor-

kan lebih 10,000 dengan 2,500 rumah didirikan secara haram oleh warganegara Myanmar yang mendiami kawasan Bukit Malut berterusan mencero boh sehingga mence mar imej Langkawi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

Malah, sehingga kini, belum ada tindakan diambil terhadap penempatan haram warga Myanmar yang semakin membarah.

Lebih teruk, kawasan Bukit Malut didapati kotor, berbau busuk, menakutkan dan dipandang serong seperti berada di negara asing.



DR. MAHATHIR MOHAMAD



KEADAAN penempatan di Bukit Malut di Pulau Langkawi yang 'dikuasai' warga Myanmar sejak tahun 1980-an.